

Memali: Najib tidak perlu takut betulkan kesilapan Dr Mahathir, kata PAS
Malaysian Insider
9 Apr, 2014
Oleh Hasbullah Awang Chik

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak tidak perlu takut untuk mendedahkan kebenaran peristiwa Memali pada November 1985 semasa pemerintahan mantan Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad.

Ahli Parlimen Pokok Sena Datuk Mahfuz Omar berkata dengan pendedahan bekas timbalan perdana menteri Tun Musa Hitam yang mendakwa Dr Mahathir berada di Malaysia semasa insiden itu membuktikan Kertas Putih yang dibentangkan di Parlimen pada 1985 penuh dengan pembohongan.

“Najib tidak perlu takut membetulkan kesilapan yang berlaku pada zaman Dr Mahathir dan kesilapan itu tidak perlu pada zaman pemerintahannya.

“Dewan dibohongi dan boleh jadi Musa dipaksa untuk membentangkan Kertas Putih pada 1986. Nama Dewan perlu dibersihkan,” katanya dalam satu sidang media di lobi Parlimen hari ini.

Musa dalam satu forum di Kota Baru mendedahkan Dr Mahathir berada di Malaysia dan bukannya di China sebagaimana yang pernah dimaklumkan sebelum ini.

Parlimen hari ini turut menolak usul tergepar yang cuba dibawa Mahfuz bagi menarik balik Kertas Putih 1985 selain menggesa Suruhanjaya Siasatan DiRaja (RCI) ditubuhkan bagi menyiasat kes berkenaan.

Dalam menolak tersebut, Yang Dipertua Tan Sri Pandikar Amin Mulia berkata perkara yang cuba diketengahkan berdasarkan kenyataan yang dibuat di forum dan laporan media.

Mahfuz berkata Parlimen perlu memanggil Musa bagi menjelaskan kepada ahli parlimen tentang kejadian sebenar tragedi itu.

Katanya, penubuhan RCI masih dianggap relevan kerana pemainnya seperti Musa, Dr Mahathir dan bekas ketua polis negara masih hidup sehingga ke hari ini.

“Yang Dipertua perlu memanggil Musa untuk memberikan penjelasan dan sekiranya kami berpuas hati, usul perlu dibentangkan bagi menarik kertas putih,” katanya. – 9 April, 2014.

Hakcipta © 2014 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/memali-najib-tidak-perlu-takut-betulkan-kesilapan-dr-mahathir-kata-pas>